



RICOH aktif dalam kerja-kerja penanaman bakau.

# Alam sekitar jadi keutamaan

**D**I SEBALIK penglibatan dalam teknologi untuk kegunaan orang ramai, Ricoh Malaysia juga proaktif dalam usaha-usaha melindungi alam sekitar melalui pelbagai program.

Antaranya ialah Program Mengambil Balik Botol Toner, katrij toner dan mesin.

Botol toner, katrij toner dan mesin yang diambil balik akan dihantar ke Jabatan Alam Sekitar - badan kitar semula yang diiktiraf. Dengan ini, kita dapat memastikan ia tidak berakhir di kawasan pembuangan sampah.

Tambahan pula, Ricoh Malaysia seringkali mengelolakan pelbagai aktiviti yang berkenaan dengan pemuliharaan alam sekitar.

Syarikat terbabit juga sering menjalankan aktiviti-aktiviti mesra alam yang memberi kesan positif yang secara langsung terhadap alam sekitar.

Antaranya, aktiviti Menanam Pokok di Cameron Highlands, Penanaman Semula Bakau di Pulau Kukup, Kuala Gula dan Tanjung Piai, Pembersihan Pantai di Port Dickson.

Pada tahun lepas , Kumpulan Ricoh telah diiktiraf sebagai satu daripada *Global 100 Most Sustainable Corporations* di dunia untuk tahun keempat berturut-turut.

Selain itu , Ricoh juga mengamal dan menitik beratkan pengurusan alam sekitar di dalam produk, pejabat dan perkhidmatan sebagai sebahagian daripada usaha pencegahan dan pemuliharaan untuk melindungi alam sekitar.

Oleh kerana bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan pembebas karbon dioksida yang paling besar di dunia. Ricoh juga memberi perhatian terhadap usaha untuk menjadi sebuah perbadanan perniagaan yang menerusi dan

menitik beratkan usaha-usaha melindungi alam sekitar.

Sebagai contoh, sempena Hari Alam Sekitar Sedunia baru-baru ini, Ricoh Malaysia telah memadamkan lampu yang tidak diperlukan (termasuk papan tanda RICOH yang berada di Axis Plaza) di setiap hari pada pukul 7 malam bermula Jun 5 hingga Jun 12, 2009.

Tambah pula, Ricoh juga memadamkan penghawa dingin dan lampu yang tidak diperlukan dari pukul 1 petang hingga 2 petang dan pada pukul 7 malam di setiap hari.

Dengan ini, ia akan meningkatkan tahap kesedaran terhadap melindungi alam sekitar di kalangan kakitangan Ricoh Malaysia dan orang awam.

Aktif dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar juga merupakan sebahagian tanggungjawab korporat syarikat berkenaan .

Selain dari itu, Ricoh juga memberi khidmat nasihat dan penyelesaian kepada pelanggan-pelanggan kami untuk membantu mengurangkan pembebasan karbon di pejabat mereka.

Salah satu pendekatan baru ialah memperkenalkan konsep *Total Green Office Solutions* sebagai satu cara yang praktikal untuk menyalurkan kemahiran kami dalam mewujudkan teknologi yang memberangsangkan perolehan pencapaian dan penjimatan kos perniagaan.

Pembebasan karbon juga dapat dikurangkan melalui *Total Green Office Solutions*.

*Total Green Office Solutions* merangkumi bahagian yang berikut: - Khidmat Nasihat, Pengurangan Kegunaan Kertas, Penjimatan Tenaga, Rekaan Produk Mesra Alam, Pematuhan Undang-Undang, Penyelesaian Kitaran Hidup.